

Tahap Personaliti Beragama Pengguna Tandas Masjid

Mohamad Izzat Mohamad Ghani

ijakfoto88@gmail.com

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah
Universiti Malaysia Kelantan

Nik Yusri Musa

nikyusri@umk.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah
Universiti Malaysia Kelantan

ABSTRAK

Agama merupakan fitrah manusia untuk menghayatinya ke dalam diri manusia sejatinya. Ia mempertemukan dua perkara yang saling berhubung iaitu fitrah dan ajakan untuk mengembangkannya. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti tahap personaliti beragama dalam kalangan pengguna tandas masjid yang di bawah pemerintahan dan sistem politik di Kelantan yang terkenal dengan dasar membangun bersama Islam. Data kajian telah diperolehi dengan menggunakan kaedah kuantitatif melalui edaran soal selidik. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 353 orang responden iaitu kepada pengguna tandas masjid dalam kategori masjid negeri, bandar, jajahan/daerah dan mukim di Kelantan. Responden kajian terdiri daripada Ahli Jawatankuasa masjid dan pengguna tandas masjid. Data kajian dianalisis dengan menggunakan 'Statistical Package for the Social Science' iaitu SPSS versi 20. Penemuan kajian melaporkan bahawa tahap personaliti beragama pengguna tandas masjid adalah berada pada tahap yang sederhana. Pihak kerajaan pusat dan negeri yang merupakan badan berkuasa tertinggi seharusnya memainkan peranan. Pengetahuan dan amalan agama yang komprehensif mampu menjana masyarakat bertindak lebih waras, minda kelas pertama, berfikiran aras tinggi dan rasional dalam menangani cabaran hidup.

Kata kunci : tahap personaliti beragama; pengguna tandas masjid

Religious Personality Level among Masjid Toilet Users

ABSTRACT

Religion is a human nature (*fitrah*) which is brought into the true human being. It brings together two interrelated elements, namely nature (*fitrah*) and the invitation to expand it. This study is aimed at identifying the level of religious personality among users of masjid toilets under the government and political system of Kelantan, which is known for its policy of Islamic development. The data was obtained using the quantitative method of questionnaire distribution. The questionnaire was distributed to 353 respondents, namely masjid toilets users in the state, city, district and sub-district categories in Kelantan. Respondents of the study consisted of members of the masjid committee as well as masjid toilet users. The data was analysed using the Statistical Packages for the Social Science (SPSS version 20). Research findings suggested that the level of religious personality of the Masjid toilet user is at a moderate level. The federal and state governments, which are the supreme governing authorities, should be involved in educating the public. Comprehensive religious knowledge and practices are able to shape the society to be better, first-class minded, high-level minded and rational in addressing the challenges of life.

Keywords: level of religious personality; masjid toilet user

PENGENALAN

Personaliti individu muslim dalam kehidupan beragama berada di tahap rendah akan mengheret diri kepada fitnah dunia disamping membina fail-fail negatif dalam fikiran terhadap aktiviti keagamaan. Agama sekadar ikut-ikutan, *trend* semasa, penunggang agama dan mewarisi ajaran nenek moyang akan menguatkan lagi fail tersebut. Fenomena tersebut mengancam tahap keimanan seseorang jika tiada panduan. Kehidupan beragama perspektif Islam diistilahkan sebagai kegiatan hidup yang berasaskan agama dan merujuk kepada penghayatan Islam sebagai satu cara yang merangkumi aspek aqidah, ibadat dan akhlak. Manakala konsep *al-tadayyun* atau beragama pula bukan sekadar ritual, cara berkeluarga dan cara bekerja semata-mata malah mencangkupi segala sudut dimensi dan ruang lingkup kehidupan sama ada berkaitan rohaniyyah dan jasmaniyyah (Zakaria Stapa, 2002).

PENYATAAN MASALAH

Kehidupan beragama atau religiositi penting dalam memimpin kehidupan manusia. Beragama dan berpengetahuan memberi pengaruh yang besar kejayaan hidup dan keterbukaan fail-fail positif dalam fikiran untuk menerima sesuatu isu kontemporari, pembinaan jati diri berdaya saing dan pembentukan akhlak terpuji. Disamping itu, memberi pengaruh kepada tingkah laku (Raba, 2001), ketenangan emosi (Kassan, 2002), keyakinan diri manusia (Qardhawi, 1985) serta kebahagiaan hidup (Hamka, 1997). Sehubungan itu, pengukuran tahap personaliti beragama juga merupakan perkara yang penting dalam melihat permasalahan ini dan perlu diukur. Pengukuran adalah pemberian nombor-nombor kepada objek atau peristiwa melalui prosedur tertentu untuk menilai pencapaian individu berasaskan nilai numerikal yang diperolehi (Mohd Noah, 1998). Menyedari akan permasalahan ini, para sarjana barat telah membangunkan lebih daripada 523 alat ukuran reliogisiti dalam bentuk psikometrik sejak tahun 1935 hingga 1966 (Hill & Hood, 1999).

Tahap personaliti beragama bergantung kepada sejauhmana ajaran Islam itu dihayati dalam kehidupan seseorang individu berstatus muslim dan diterjemahkan melalui tiga kategori

iaitu Islam, Iman dan Ihsan. Dengan itulah konsep penghayatan Islam dapat difahami dengan lebih jelas melalui istilah *Din* itu sendiri yang menjadikan keseluruhan ajaran Islam sebagai tatacara hidup (*hayyah mutadayyinah*) yang sempurna dan diredhai Allah S.W.T. (Rafiza *et al.*, 2014). Islam menawarkan rawatan terbaik kepada setiap masalah kerana ajaran Islam fleksibel dan dinamik memenuhi keperluan dan kehendak manusia. Pengaplikasian dan keberkesanan ajaran tersebut tidak boleh dinilai kerana bilangan alat ukuran religiositi Muslim yang bermutu adalah terhad dan kebanyakan alat ukuran religiositi adalah daripada ajaran kristian (Manap, 2005; & Almarri *et al.*, 2009) dan literatur dalam bidang pengukuran psikometrik religiositi Muslim adalah terhad (Idris *et al.*, 2012). Ini mengakibatkan terdapat penyelidik yang mengadaptasikan alat ukuran konvensional yang tidak bersesuaian dengan nilai-nilai Islam dalam kajian mereka (Jamiah *et al.*, 2013).

ULASAN KESUSASTERAAN

Terdapat beberapa alat ukuran religiositi Muslim yang telah dibangunkan yang bersifat kompleks sebagaimana alat ukuran konvensional. Antara alat ukuran religiositi dan personaliti Muslim yang dibangunkan adalah *Muslim Religiosity and Personality Inventory* (MPRI) oleh sekumpulan penyelidik dari Universiti Putra Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia (Kraus *et al.*, 2005 & Azimi, 2011), *The Short Muslim Practice and Belief Scale* (Short MPBS) oleh Almarri dan rakan-rakan (2009) dari Universiti of Queensland, Australia, Sultan Qaboos Universiti (Oman) dan *Multidimensional Religiosity Scale* (Qasmi & Jahangir, 2010). Tahap religiositi yang tinggi mendapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan amalan kepatuhan zakat-perniagaan di Malaysia (Idris *et al.*, 2012), personaliti authoritarian yang sihat di Indonesia (Ji & Ibrahim, 2007), kecenderungan tidak mengambil alkohol sepanjang hayat dalam kalangan Muslim berbangsa Arab dan Asia (Almarri, Oei & Al-Adawi, 2009) serta ketiadaan simptom kemurungan dalam kalangan remaja dan kanak-kanak di Palestin dan Kuwait (Abdel Khaled & Eid, 2011).

Memenuhi keperluan bagi ilmuan Muslim dalam bidang pembangunan manusia dan psikologi untuk membangunkan lebih banyak alat ukuran religiositi dan personaliti yang bersesuaian dengan syariat Islam bagi mengukur tahap religiositi dan personaliti Muslim dengan tepat. Ini bertujuan untuk menilai amalan agama yang konsisten dilakukan manusia. Alat ukuran yang tepat membolehkan pengamal pembangunan manusia dan psikologi membantu individu tertentu dalam mengenalpasti tahap religiositi dan personaliti Muslim dengan tepat. Ini penting dalam membentuk pelan intervensi, polisi atau modul yang sesuai bagi meningkatkan kualiti religiositi dan personaliti Muslim sama ada individu atau perkumpulan (Jamiah *et al.*, 2013). Selain itu, alat ukuran psikologi ini juga penting dalam pelbagai bidang kajian yang berkaitan dengan pembangunan manusia dan psikologi.

Menyedari bahawa aspek keagamaan merupakan elemen penting untuk mengekang masalah sosial yang lebih rumit, maka penerapan dan pengukuhan agama dalam semua peringkat umur masyarakat perlu diberi perhatian. Terdapat kajian barat mendapati bahawa pengetahuan agama yang kukuh mampu menjadi pelindung kepada generasi muda remaja yang berada di peringkat pembesaran dan sedang mencari identiti diri (Corcoran & Nichols-Casebot, 2004; Wallace *et al.*, 2007). Remaja yang mempunyai pegangan dan pengetahuan agama yang tinggi mampu mengatur kehidupannya dengan lebih tenang, sempurna dan sejahtera (McCullough & Willoughby, 2006). Selain itu, agama berupaya bertindak sebagai faktor pelindung kepada perlakuan yang menyalahi undang-undang seperti mencuri, merosakkan harta benda, merompak dan terlibat dengan aktiviti penyalahgunaan dadah dalam kalangan golongan muda (Donahue & Benson, 1995, Francis, 1997 & Steinman, 2004).

Tambahan lagi, seseorang individu yang mempunyai kepercayaan agama yang tinggi kurang terdedah dengan aktiviti yang tidak berakhlak seperti penggunaan alkohol atau tingkah

laku seksual yang berisiko tinggi (Poulson *et al.*, 1998; Greenwald, 2000; Stylianou, 2004). Hodge, Cardenas & Montoya (2001) dalam kajiannya pula mendapati bahawa agama merupakan benteng yang kuat untuk menghalang perlakuan yang tidak bermoral dan seterusnya berupaya memberi perlindungan melalui dua cara iaitu: (i) bertindak sebagai penolakan kepada perbuatan yang bercanggah dengan kepercayaan agama dan (ii) keterlibatan seseorang individu dalam aktiviti agama berupaya membantu untuk membentuk kumpulan rakan yang positif serta dapat berkongsi sikap, kepercayaan dan nilai untuk menjauhkan diri mereka daripada terlibat dengan aktiviti yang tidak bermoral. Manakala kajian yang dijalankan oleh Michelle, Thomas & Sinyangwe (1989) pula, mendapati bahawa pegangan agama yang sempurna boleh menjadi pegangan moral yang baik dalam diri remaja dan seterusnya memberi arah kepada mereka untuk berfikir dengan baik sebelum melakukan sesuatu yang tidak bermoral.

Dalam beberapa kajian sarjana Muslim pula mendapati bahawa golongan muda yang mendapat bimbingan yang positif daripada keluarga serta mempunyai kesedaran agama yang tinggi mampu berdepan dengan cabaran persekitaran negatif dan secara tidak langsung berupaya untuk mencegah mereka daripada terlibat dengan tingkah laku berisiko (Syarifah *et al.*, 2010). Selain itu, kajian Mahmood Nazar *et al.*, (2004) mendapati bahawa kurangnya didikan agama dan faktor keluarga yang bermasalah mempunyai hubungan yang amat signifikan terhadap aktiviti pengambilan dan penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja. Robiah (2001) dalam tulisannya berkaitan dengan remaja dan pengurusan diri berpendapat bahawa kepercayaan agama merupakan suatu tenaga paling unggul untuk mencegah dan menentang emosi dan mental. Pegangan prinsip dan pendirian yang kukuh berlandaskan ajaran agama dapat mencegah seseorang remaja daripada dipengaruhi oleh unsur-unsur pergaulan bebas yang tidak sihat dan melampaui batas.

Sarian (1995) pula mengatakan bahawa pendidikan agama yang disemai sejak zaman kanak-kanak mampu membentuk perkembangan diri remaja yang positif serta mempunyai nilai-nilai murni dalam jiwa mereka. Pendidikan agama juga dilihat mampu menolak perlakuan negatif dan unsur-unsur yang bertentangan dengan ajaran Islam. Pandangan ini menggambarkan bahawa betapa pentingnya pendidikan agama ke arah pembentukan sahsiah dan akhlak yang sempurna dalam kalangan remaja. Kajian tempatan yang pula dijalankan oleh Mahmood *et al.*, (1997) mendapati bahawa remaja yang mempunyai tahap pengetahuan dan keagamaan yang tinggi kurang berisiko untuk terdedah dengan gejala sosial yang boleh merosakkan masa hadapan mereka. Menurut Sabitha (1995) pula, mendapati antara punca berlakunya permasalahan sosial dalam kalangan generasi muda adalah disebabkan oleh kurangnya pendidikan agama dalam kalangan ibu bapa mahupun dalam kalangan kanak-kanak. Dalam kajian World Health Organization (WHO) mendapati masyarakat dunia paling banyak membunuh diri ialah dari kalangan mereka yang tidak beragama (Mat Rofa Ismail, 2016).

OBJEKTIF KAJIAN

Kelantan merupakan negeri di bawah pemerintahan dan sistem politik yang terkenal dengan dasar membangun bersama Islam. Kelantan dipilih kerana merupakan negeri yang berkependudukan majoriti bangsa Melayu beragama Islam yang mempunyai keluasan yang besar dengan kepadatan penduduk seramai 1,459,994 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap personaliti beragama dalam kalangan pengguna tandas masjid.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik untuk mendapatkan penemuan kajian. Pengetahuan tahap personaliti beragama diukur dengan menggunakan tiga belas item soalan yang dibangunkan oleh pengkaji terdahulu *Muslim Religiosity and Personality Inventory (MPRI) Scoring Manual* (Azimi, 2011). Jenis item yang digunakan untuk mengukur tahap personaliti beragama adalah berbentuk 6 skala likert di mana pilihan-pilihannya disusun mengikut kesesuaian iaitu (1) *tidak pernah langsung* = TPL, (2) *jarang-jarang* = JJ, (3) *kadang-kadang* = KK, (4) *pernah* = P, (5) *selalu* = S dan (6) *sangat selalu* = SS. Seterusnya tahap personaliti beragama telah diukur berpandukan kepada interpretasi skor min berikut: (i) < 2.99 (tahap rendah), (ii) 3.00-4.99 (tahap sederhana) dan (iii) 5.00-6.00 (tahap tinggi). Pengedaran borang soal selidik dijalankan secara rawak kepada pengguna tandas masjid yang dikenalpasti seperti di masjid negeri, bandar, jajahan/daerah dan mukim. Dengan merujuk pada buku terbitan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) yang bertajuk Masjid-Masjid Di Kelantan.

Populasi bagi kajian ini ialah pengguna tandas masjid berumur 18 tahun dan ke atas. Ini kerana, populasi saiz sampel boleh diambil bergantung pada subjek kajian dan mewakilinya namun saiz sampel kurang penting (Mohd Majid Konting, 1990). Disamping itu, populasi ialah kumpulan sasaran penyelidik supaya sesuatu dapatan kajian dapat diaplikasikan (Fraenkel & Wallen, 1990). Persampelan kumpulan subjek dalam kajian ini umumnya adalah pengguna yang pernah menggunakan tandas masjid yang terdiri daripada AJK Masjid, Ahli Kariah, Bukan Ahli Kariah dan Pelawat. Sejumlah 400 telah diedarkan, namun 379 soal selidik berjaya dikumpulkan semula dan 353 yang lengkap selepas disisihkan bagi yang bermasalah. Data kajian dianalisis dengan menggunakan '*Statistical Package for the Social Science*' iaitu SPSS versi 20. Statistik deskriptif digunakan untuk menentukan kekerapan (*frekuensi*), peratusan (%) dan purata (*min*) bagi memenuhi objektif kajian.

JADUAL 1. Bilangan masjid mengikut kategori

Kategori	Peratus=100%	N=353
Negeri	8.5%	30
Bandar	11.3%	40
Jajahan/Daerah	27.8%	98
Mukim	52.4%	185

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 2 menunjukkan nilai kebolehpercayaan dan kesahan adalah tinggi yang majoritinya adalah berumur 18-24 tahun (46.7%) daripada keseluruhan dapatan. Disamping itu, jadual 3 menunjukkan bahawa penemuan kajian terhadap tahap personaliti beragama pengguna tandas daripada pelbagai jenis kategori masjid (Jadual 1) dan telah dikenalpasti mempunyai tahap yang berbeza-beza namun nilai menunjukkan berapa di tahap yang sederhana (4.47).

JADUAL 2. Pengujian kebolehpercayaan skala ujian

Skala	Nilai alfa
Tahap personaliti beragama	0.908

Penemuan kajian melaporkan bahawa tahap personaliti beragama adalah majoriti (69.9%) pengguna tandas masjid berada pada tahap sederhana. Lebih satu per empat atau suku (27.1%) sahaja melaporkan tahap personaliti beragama berada pada tahap yang tinggi. Rumusan awal penemuan kajian ini menggambarkan bahawa tahap kesederhanaan personaliti

beragama menjadi penyumbang kepada kecenderungan pengguna tandas masjid untuk tidak menjaga kebersihan tandas masjid.

JADUAL 3. Tahap personaliti beragama pengguna tandas masjid

Skala likert	N=353	Peratusan %	Min	SD
TPL dan JJ (<2.00) Rendah	10	2.8		
KK dan P (3.01-4.99) Sederhana	247	69.9	4.47	.71
S dan SS (5.00-6.00) Tinggi	96	27.1		
Jumlah	353	100		

Tahap personaliti beragama yang sederhana memberi gambaran bahawa majoriti pengguna tandas masjid masih belum cukup mantap untuk membantu melindungi diri mereka daripada terjebak dengan secara langsung dalam memelihara dan memulihara kebersihan tandas masjid serta gejala tidak sihat di sekitar mereka. Tahap ini juga masih belum cukup memberi keyakinan kepada masyarakat bahawa personaliti beragama yang dimiliki berupaya menjadi perisai dan benteng yang kukuh dalam kalangan pengguna tandas masjid untuk menghalang diri mereka daripada mengulangi kesilapan lalu dan terpengaruh tahap kebersihan yang negatif untuk terjebak sama mengikutinya. Selain itu, tahap personaliti beragama yang sederhana ini memberi tamparan hebat kepada mereka dalam menghadapi cabaran hidup khususnya apabila berhadapan dengan masyarakat yang berperwatakan negatif yang boleh meruntuhkan akhlak mereka.

Ini kerana, berdasarkan kajian lepas menunjukkan bahawa pengetahuan dan kesedaran agama yang rendah dalam kalangan remaja berupaya mendedahkan mereka kepada aktiviti berisiko yang boleh merosakkan akhlak dan jati diri mereka (Kagon *et al.*, 2005; Greenwald, 2000; Stylianou, 2004; Syarifah *et al.*, 2010). Walaubagaimanapun, dalam kajian ini, kebanyakan pengguna tandas masjid adalah kalangan remaja kategori umur lingkungan 18-24 tahun dan tidak di kaji latar belakang tahap pendidikan agama. Namun, penemuan kajian menunjukkan maklum balas dan perkembangan positif pengguna tandas masjid terhadap kesediaan mereka untuk berubah dan memajukan diri dalam menjadi insan bertingkah laku positif mempunyai tahap personaliti beragama yang tinggi daripada tahap sederhana. Penemuan kajian mendapati bahawa pengguna (27.1%) yang berada di tahap bersonaliti beragama tinggi mampu ditingkatkan lagi nilainya berikutan nilai min (4.47) menghampiri nilai min (5.01-6.00 = tahap tinggi) dan secara langsung akan mengurangkan nilai di tahap sederhana (69.9%) (Jadual 3).

Penemuan kajian (Jadual 4) mendapati bahawa seramai 53.3% (skala selalu & sangat selalu) menggalakkan ahli keluarga mereka untuk mengamalkan sunnah Rasulullah Shallallahu Alaihi Wasallam (item 1). Disebabkan oleh keseluruhan responden beragama Islam, maka lebih separuh (51.5%) daripada skala yang sama akan berusaha memahami maksud ayat suci Al-Quran (item 2). Namun peratusan untuk 5 item yang masih belum mantap turut menunjukkan nilai yang kurang menyakinkan (item 3: 41.1%, item 4: 40.2%, item 8: 45%, item 9: 41.9% dan item 10: 49.6%) dan keadaan ini memerlukan usaha yang berganda oleh pihak berkuasa dan sistem pengurusan demi meningkatkan kecemerlangan dari aspek pengetahuan agama. Saya berusaha agar diri saya sentiasa dalam keadaan berwuduk, saya berusaha menambahkan kekerapan dalam melakukan solat-solat sunat (nafil), saya selalu membincangkan isu-isu agama bersama teman-teman saya, saya memperuntukkan masa untuk membaca ayat suci Al-Quran walaupun sibuk dan saya berusaha untuk mengamalkan etika akhlak Rasulullah dalam kehidupan seharian adalah merupakan item-item yang menunjukkan nilai yang lemah dan perlu ditangani.

JADUAL 4. Analisis deskriptif tahap personaliti beragama pengguna tandas masjid

No.	Item-item	TP (%) N	JJ (%) N	KK (%) N	P (%) N	S (%) N	SS (%) N	Min
1.	Saya menggalakkan ahli keluarga saya mengamalkan sunnah Rasulullah	1.1 4	1.4 5	9.9 35	34.3 121	38 134	15.3 54	4.52
2.	Saya berusaha memahami maksud ayat suci Al-Quran	0.3 1	3.1 11	13 46	32 113	37.1 131	14.4 51	4.46
3.	Saya berusaha agar diri saya sentiasa dalam keadaan berwuduk	1.1 4	7.6 27	20.7 73	29.5 104	30.3 107	10.8 38	4.12
4.	Saya berusaha menambahkan kekerapan dalam melakukan solat-solat sunat (nafil)	1.4 5	6.2 22	21 74	31.2 110	29.7 105	10.5 37	4.13
5.	Saya berusaha untuk mendalami hukum-hakam Islam	0.6 2	1.7 6	9.1 32	28.6 101	44.5 157	15.6 55	4.61
6.	Saya suka mencari peluang untuk mendalami Islam bersama keluarga	0.8 3	2.8 10	14.2 50	31.4 111	39.9 141	10.8 38	4.39
7.	Saya mengajak orang lain menunaikan solat	0.6 2	4.2 15	11 39	32.3 114	37.7 133	14.2 50	4.45
8.	Saya selalu membincangkan isu-isu agama bersama teman-teman saya	0.8 3	5.1 18	14.7 52	34.3 121	35.4 125	9.6 34	4.27
9.	Saya memperuntukkan masa untuk membaca ayat suci Al-Quran walaupun sibuk	1.1 4	7.1 25	18.4 65	31.4 111	26.3 93	15.6 55	4.22
10.	Saya berusaha untuk mengamalkan etika akhlak Rasulullah dalam kehidupan seharian	0.3 1	1.7 6	8.2 29	40.2 142	34.3 121	15.3 54	4.52
11.	Saya bersedih apabila Ramadan berakhir	1.4 5	3.7 13	6.2 22	30.3 107	36.8 130	21.5 76	4.62
12.	Saya akan bersedekah sejumlah wang setiap tahun	1.4 5	4.8 17	9.1 32	28 99	38.8 137	17.8 63	4.52
13.	Saya rasa tenang apabila mendengar bacaan ayat suci Al-Quran	0 0	0.3 1	1.1 4	13.9 49	38 134	46.7 165	5.30
Jumlah		100 353	100 353	100 353	100 353	100 353	100 353	>1.00 <6.00

Responden berusaha untuk mendalami hukum-hakam Islam, saya suka mencari peluang untuk mendalami Islam bersama keluarga, saya mengajak orang lain menunaikan solat, saya bersedih apabila Ramadan berakhir dan saya akan bersedekah sejumlah wang setiap tahun merupakan item-item bagi 5 (60.1%), 6 (50.7%), 7 (51.9%), 11 (58.3%) dan 12 (56.6%). Item ini memuaskan atau sederhana kerana responden berkeinginan mendisiplinkan gaya hidup dan meningkatkan prestasi dalam beragama supaya tidak melampaui batas kemanusiaan dan menzalimi diri sendiri serta orang lain. Sebanyak 84.7% hasil kajian menunjukkan responden berasa tenang apabila mendengar bacaan ayat suci Al-Quran (item 13).

Seseorang muslim wajib berusaha untuk membersihkan dirinya dari segi zahir dan batin (*Tazkiyatun Nufus*). Jiwa para pencari kebenaran di mana jua pun menyakini bahawa kitab suci ini menjadi terapi rohani sekadar mendengar alunan melodi bacaan kalam suci Al-Quran walaupun tidak memahaminya. Bahasa Al-Quran mempunyai Bahasa yang ada frekuensinya mengikut sel-sel tubuh (Kahel, 2013) yang sudah pastinya adalah hasil ciptaanNya. Sehubungan itu, kemampuan mendengar mendahului fungsi deria yang lain disebabkan kedudukannya dalam beberapa ayat al-Quran mendahului fungsi mata (Muhammad Ratib, 2010). Momentum-momentum yang terdapat dalam setiap huruf dan perkataan kitab suci ini mampu menyembuhkan dan menjadi perisai bagi penyakit mental, jiwa atau hati dan nafsu dengan izinNya. Jika dikaitkan dalam proses pembentukan dan perkembangan janin manusia, kejadian telinga manusia mengalami proses yang lengkap apabila janin mencapai usia empat (4) bulan ke atas, manakala mata hanya akan terbuka sepenuhnya apabila janin mencapai usia tujuh (7) bulan (Saladin, 2008).

Satu kajian oleh Noor Ashikin dan rakan-rakan (2012) melaporkan mendengar bacaan al-Quran berbanding muzik klasik mempunyai kesan terapi dan ketenangan kepada seseorang individu. Dijanjikan pahala ibadah bagi individu yang belajar, mengajar, memperelokkan bacaan serta mendengar bacaan al-Quran (Al-Bukhari, 2008). Tidak mustahil muslim mendengar alunan bacaan ketika hendak tidur kerana, berbeza dengan sistem penglihatan neural (*visual system*), sistem pendengaran neural (*auditory system*) berfungsi hampir setiap masa walaupun ketika tidur (Velluti, 2008). Saintis juga membuktikan sistem pendengaran adalah yang paling aktif berfungsi ketika proses hibernasi bagi sesetengah haiwan (Jesper *et al.*, 1983) dan berfungsi ketika seseorang individu dalam keadaan koma (Lean, 2006). Seorang bapa yang baru menyambut kelahiran bayi disunatkan memperdengarkan azan di telinga kanan dan iqamah di telinga kiri bayi bagi memastikan anak yang dilahirkan mendengar perkataan yang elok dan baik (Muhammad Sholikhin, 2010) serta dijauhkan dari gangguan syaitan (Adnan Hasan, 2007). Hal ini kerana, kitab suci ini datangnya daripada Allah Subhana Wa Taala sebagai manual manusia kerana Dia mengetahui apa yang terbaik untuk hambaNya.

Kajian oleh Rubin *et al.*, (2001) menunjukkan impak genre muzik yang berbeza (*heavy metal*, rap, country, religious dan soul) mempengaruhi sikap agresifnya seseorang responden. Contohnya, pendengar muzik jenis *heavy metal* adalah lebih agresif berbanding individu yang mendengar genre muzik lain. Ini menjelaskan pengaruh apa yang didengar terhadap tindakan dan emosi seseorang individu saling berkaitan antara satu sama lain. Terdapat kajian seperti kesan bacaan al-Quran terhadap pemandu yang mengantuk (Yohan & Hishamuddin, 2012), kesan bacaan al-Quran terhadap mental dan spiritual (Khan *et al.*, 2010, 863-867) dan kemampuan bacaan al-Quran menjana gelombang alfa EEG¹ (*electroencephalogram*) serta mampu memberikan ketenangan kepada individu yang mendengarnya berbanding dengan muzik (Abdullah & Omar, 2011). Masyarakat Islam perlu menyedari bahawa terdapat perang berbentuk agama dan perang akidah yang bertujuan untuk merubah dan memesongkan identiti masyarakat Islam (Qaradhawiy, 2014). Perang ini adalah menfokuskan kepada pemikiran dan kebudayaan umat Islam yang berupaya memporak-perandakan tiang personaliti beragama individu secara halus selain mengelirukan dan merosakkan akal, akidah dan menjejaskan tauhid. Hinggakan pada akhirnya masyarakat Islam sekadar percaya tetapi tidak mengamalkan Islam dan memandang Islam sebagai sesuatu yang klasik serta ketinggalan zaman.

Penemuan hasil kajian ini memberi petanda aras yang positif ke atas usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan negeri dan pusat dalam memberi penerangan tentang nilai-nilai murni dan kefahaman agama. Platform melalui media massa dengan kerjasama kerajaan dan tajaan badan bukan kerajaan juga perlu diperkasakan. Pelbagai aneka media yang terdapat seperti media elektronik, media cetak. Selain itu, pembinaan modul, sistem pengurusan dan pelbagai bentuk kesedaran yang perlu diwujudkan dan dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan lagi tahap personaliti beragama pengguna tandas masjid supaya memelihara kebersihan tandas masjid dan alam sekitar. Nilai-nilai murni dan agama perlu diselitkan dan diterapkan dengan pengetahuan asas yang mudah difahami bagi bertujuan untuk mengukuhkan kefahaman, sikap, tingkah laku dan gaya hidup pengguna tandas masjid supaya mereka lebih menghargai kemudahan yang terdapat di tandas masjid. Tugas pihak berkuasa dilihat lebih mudah dan berkesan dalam membentuk personaliti beragama pengguna tandas masjid untuk menjadi insan yang bertanggungjawab. Melalui penguatkuasaan undang-undang yang lebih bertepatan dan menyeluruh mampu mendidik masyarakat khususnya terhadap komuniti yang mengabaikan kebersihan.

Dalam bidang kajian keIslaman sering dibezakan antara kepenganutan terhadap agama (*having religion*) dengan sikap dan tingkah laku keagamaan (*being religious*). Penganut agama (*having religion*) boleh ditakrifkan dan difahami sebagai seseorang yang telah mengikrarkan dirinya menganut sesuatu agama (Syahrin, 2016). Sementara beragama (*being religious*)

adalah orang yang melakukan segala aktiviti, sikap dan tingkah lakunya berdoktrinkan kepada agama yang dianuti. Walaubagaimanapun, usaha-usaha yang dilaksanakan oleh pihak berwajib dan berautoriti seharusnya dipertingkatkan serta dipergiatkan lagi. Perkara tersebut penting bagi memastikan pengguna tandas masjid di semua peringkat umur benar-benar memahami dan mampu bertindak menggunakan akal yang bijak mengikut landasan yang diajar oleh agama Islam secara tuntas. Pengguna tandas masjid juga diharap dapat memilih dan mempraktikkan ajaran agama Islam dan nilai-nilai murni yang diperolehi secara berterusan dan berkesan walaupun di mana sahaja berada bumi dipijak dan langit dijunjung. Demi merialisasikan dan mencipta suasana persekitaran yang bersih dan harmoni, ini juga meminimakan tingkah laku negatif yang bertentangan dengan nilai dan budaya masyarakat sejagat disamping memupuk tingkah laku, amalan, prestasi dan gaya hidup yang positif.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Setiap agama berperanan dalam semua lingkungan kehidupan. Agama merupakan doktrin utama sebagai panduan kehidupan manusia termasuklah untuk golongan remaja dan belia di mana sering berhadapan dengan pelbagai anasir negatif dunia dalam usaha responden memantapkan gaya hidup spiritual ke dalam diri. Tahap personaliti beragama yang sederhana sepertimana hasil dapatan kajian ini, masih belum cukup untuk memastikan responden dapat mengharungi era zaman ini dengan cemerlang. Bagi merealisasikan keunggulan generasi muslim dalam kalangan responden untuk memiliki tahap personaliti beragama yang cemerlang, pelbagai pihak perlu berganding bahu dan bersatu hati bagi memastikan golongan masyarakat umum berada dalam laluan yang betul untuk menuju kehidupan yang penuh dengan tipu daya dan fatamorganda ciptaan manusia. Kesepakatan boleh diperolehi dengan keputusan yang membanggakan apabila masyarakat sekitar dan ahli keluarga terdekat terlebih dahulu perlulah merapatkan diri dengan al-Quran dan al-hadis untuk sama-sama memperkukuhkan responden dan masyarakat.

Justeru, pihak kerajaan pusat dan negeri di mana merupakan badan berkuasa tertinggi negara seharusnya bijak dalam memainkan peranan bagi melaksanakan amanah dan tanggungjawab demi memperkasakan silibus pendidikan agama Islam. Sehubungan itu, masyarakat berupaya mempraktikkan yang dipelajari secara formal atau tidak formal. Pendekatan medium ini menjadi perisai kepada masyarakat untuk memelihara dan memulihara alam sekitar tanpa merosakkannya. Pengetahuan dan amalan agama yang komprehensif turut menjana masyarakat bertindak lebih waras, minda kelas pertama, berfikiran aras tinggi dan rasional dalam menangani cabaran hidup dan seterusnya memaksimumkan segala potensi yang ada untuk memajukan diri, agama, bangsa dan negara.

PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih kepada Research Acculturation Collaborative Effort (RACE): R/RACE/A04.00/00501A/001/2015/000232 untuk sokongan kewangan dalam menyiapkan penyelidikan ini sebaik mungkin.

RUJUKAN

- Al-Bukhari, al-Imam Al-Hafiz Abi 'Abdillah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari. (2008). Sahih Bukhari. Kaherah; Dar al-Tawfikiya lil Tiba'ah.
- Adnan Hasan, S. B. (2007). Mendidik anak laki-laki. Penyunting Sumarti M. Thahir, Abu Hanifaah. Jakarta: Gema Insani.
- Almarri, T. S. K., Oei T. P. S. & Al-Adawi, S. (2009). The development of the short Muslim

- practice and belief scale. *Mental Health, Religious and Culture*, 12, (5), 415-426. doi: 10.1080/13673670802637643
- Azimi Hamzah (2011). The Muslim Religiosity-Personality Inventory (MRPI) Scoring Manual. *Universiti Putra Malaysia*.
- Corcoran, J. & Nichols-Casebpt, A. (2004). Risk and resilience ecological framework for assessment and goal formulation. *Child and Adolescent Social Work Journal*, 21, 211-235.
- Donahue, M. & Benson, E.L. (1995). Religion and the well-being of adolescents. *Journal of Social Issues*, 51(2), 145-160.
- Fraenkel, J.R. & Wallen, N.E. (1990). How to design and evaluate research in education. New York: McGraw-Hill Publishing Company.
- Francis, L.J. (1997). The impact of personality and religion on attitude towards substance use among 13-15 year olds. *Drug and Alcohol Dependence*, 44(2-3), 95-103.
- Greenwald, S. (2000). Religiosity and Substance Use and Abuse Among Adolescents the National Comorbidity Survey. *Journal of American Academy of Child and Adolescent Psychiatry*, 39(9), 1190-1197.
- Hamka (1997). *Tasauf Moden*. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2010). Laporan Kiraan Permulaan. Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia.
- Jamiah Manap, Azimi Hamzah, Sidek Mohd Noah, Hasnan Kasan, Steven Eric Krauss, Khairul Anwar Mastor, Turiman Saundi & Fazilah Idris. (2013). Prinsip Pengukuran Religiositi dan Personaliti Muslim. *Journal of Psychology and Human Development*.
- Jesper, M., Williams, G. & Divac, I. (1983). Activity of the auditory system in rats habituated to a test chamber: A 2-Deoxyglucose Study. *Acta Neurobiol. Exp.* 283-290.
- Ji, C-O. & Ibrahim, Y. (2007). Islamic religiosity in right-wing authoritarian personality: The case of Indonesian Muslim. *Review of Religious Research*. 47, (2), 128-146.
- Hill, P. C. & Hood, R. W. (1999). Measures of Religiosity. Birmingham, Ala.: Religious Education Press. <http://trove.nla.gov.au/work/28626496?q&versionId=34819291>
- Hodge, D.R., Cardenas, P. & Montoya, H. (2001). Substance use: Spirituality and religious Participation as protective factors among rural youths. *Social Work Research*, 25(3), 153-161.
- Kagon, S. M., Lou, Z., Murry, V. M. & Brody, G. H. (2005). Risk and protective factors for substance use among African American high school dropouts. *Psychology of Addictive Behaviors*, 19(4), 382-391.
- Kahel, A.D., (2013) Terapi Ayat Illahi: Terapi bacaan Al Quran, Mencegah dan menyembuh Penyakit, Pustaka alfatih, Kuala Lumpur.
- Kassan, H. (2002). *Kesihatan jasmani dan rohani sebagai asas kejayaan menurut Islam*. Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khan, N., Beg, A. H., Fakheraldin, M. A. I., Alla, A. N. A., & Nubli, M. (2010). Mental and spiritual relaxation by recitation of the holy Quran. Computer Research and Development, 2010 Second International Conference.
- Kraus, S.E., Azimi, H., Turiman, S., Sidek, M. N., Khairul, A. M., Rumaya, J., Hasnan, K., Azma, M. & Jamiah, M. (2005). The Muslim religiosity-personality measurement inventory (MPRI) religiosity measurement model: Toward filling the gaps in religiosity research on Muslims. *Pertanika Journal of Science and Technology*, 13, (2), 131-145.
- Lean, Geoffrey. (2006). I was in a coma but I could hear every word. The Independent <http://www.independent.co.uk/voices/commentators/geoffrey-lean-i-was-in-a-coma-but-i-could-hear-every-word-415327.html>

- Mahmood, N. M., Nadiah Elias, Noor Azizah Ahmad, Saedon Awang & Ahmad Marthadha. (1997). *Kajian Gaya Hidup Remaja Kedah*. Al-Bukhary Foundation, Kedah Islamic Development Foundation and Kedah Youth Council Research Grant: Contract Research Report, UUM-MBK.
- Mahmood Nazar Mohamed, Mohd Taib Ariffin, Ismail Ishak, Jamaludin Mustafa & Rosli Mohammed (2004). *Penggunaan Strategi Daya Tindak Di Kalangan Bekas Penagih Dadah*. Penerbit Universiti Utara Malaysia. ISBN: 9832870348. https://books.google.com.my/books?id=uLYEtsOvNakC&printsec=frontcover&source=gbs_ViewAPI&redir_esc=y#v=onepage&q&f=false
- Manap, J. (2005). *Kesahan dan kebolehpercayaan Inventori Religiositi dan Personaliti Muslim*. Tesis Master tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Mat Rofa Ismail (2016). *Bicarawara Sains Islam. Menerobos Kerdipan Sejarah dan Falsafah Sains yang Mengubah Dunia*. Terbitan Karya Bestari, Karangkrak.
- McCullough, M. E. & Willoughby, L. B. (2006). Religion, Self-Regulation and Self Control: Association, Explanation and implication. *Psychological Bulletin*, 135(1), 69-93.
- Md Idris, K., Bidin, Z. & Saad, R., AJ. (2012). Ukuran nilai keagamaan dalam Islam dan hubungannya dengan gelagat kepatuhan zakat perniagaan. *Jurnal Pengurusan*. (34), 3-10.
- Michelle, C., Thomas, R.M. & Sinyangwe, I.M. (1989). Adolescent Conceptions of 'Moral': Haiti The United Sates, & Zambia. *Youth & Society*, 21(2).
- Mohd Majid Konting (1990). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: *Dewan Bahasa Dan Pustaka*.
- Mohd Noah, S. (1998). *Pengujian dalam Psikologi dan Kaunseling: untuk Pelajar*.
- Muhammad Ratib, A. N. (2010). *Keajaiban tubuh manusia*. Penerjemah Muhammad Harun Zain. Selangor: Jasmin Publication.
- Muhammad Sholikhin, K. H. (2010). *Ritual dan tradisi Islam jawa*. Penyunting Lilih Prilian Ari Pranowo. Yogyakarta: Narasi.
- Noor Ashikin, Z., Ros Shilawati, S. A. K., Zunairah, M. & Roshakimah, M. I. (2012). The comparison between listening to al-Quran and listening to classical music on the brainwave signal for the alpha band. 2012 Third International Conference on Intelligent Systems Modelling and Simulation.
- Poulson, R.L., Eppler, M.A., Satterwhite, T.N., Wuensch, K.L. & Bass L.A. (1988). Alcohol Consumption, Strength of Religious Beliefs And Risky Sexual Behavior In College Students. *Journal of American College Health*, 46(5), 227-232.
- Qasmi, F. N. & Janagir, F. (2010). Development and validation of a multidimensional religiosity scale for Muslim. *FWU Journal of Social Sciences*, (2), 99-10.
- Qaradhawiy, Y. (2014). *Masjid Parlimen Umat*. Ana Muslim Publicatios.
- Raba, A. M. (2001). *Major personalities in The Quran*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.
- Rafiza Mohamed, Jaffary Awang, Ahmad Sunawari Long & Zainul Ab Rahman. (2014). *Perbandingan Religiositi Menurut Perspektif Islam dan Barat*.
- Robiah Kulop Hamzah (2001). "Remaja Dan Pengurusan Diri:." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rubin, A. M., D. V. West, et al. (2011). Differences in aggression, attitudes toward women, and distrust as reflected in popular music preferences. *Media Psychology* 3(1), 25-42
- Sabitha Marican & Mahmood Nazar Mohamed. (1995). *Pencemaran Budaya Remaja: Siapakah Yang Bertanggungjawab*. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, 18(1), 21-35.
- Saladin, K. S. (2008). *Human anatomy*. 2nd ed. New York: McGraw Hill International Edition.

- Sarian Othman (1995). Menangani Masalah Bohsia, Moral dan Pendidikan. 7. ms. 48-50
- Smith, E. J. 2006. The strength-based counseling model. *Counseling Psychologist*, 34(1) 13-79.
- Steinman, K.J. (2004). Religious activity and risk behavior among African American adolescents: Concurrent and development effects. *American Journal of Community Psychology*, 25(1), 117-122.
- Stylianou, S. (2004). The Role of Religiosity in the Opposition to Drug Use. *International Journal of Offender Therapy & Comparative Criminology*, 48(4), 429-448.
- Syahrin Harahap (2006). Islam Agama Syumul. Membangun Muslim Komprehensif.
- Syarifah, M. N., Turiman, S., Syamsilah, R., Rahil, M., Haslinda, A., Ismi Arif, I. & Mursyid, A. (2010). *Laporan Kajian Fenomena Merempit dan Potensi Remaja Lasak di FELDA*. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Velluti, R. A. (2008). The auditory system in sleep. Elsevier Ltd.
- Wallace, J.M., Yamaguchi, R., Bachman, J.G., O'Malley, P.M., Schulenberg, J.E. & Johnston, L.D. (2007). The role of individual and contextual influence. *Social Problems Journal*. 54(2), 308-327.
- Yazid Abdul Qadir Jawas (2013). *Manhaj Ahlus Sunnah wal Jama'ah dalam Tazkiyatun Nufus*. Pustaka At-Taqwa. Jawa Barat -Indonesia.
- Yohan, K. dan Hishamuddin, M. S. (2012). Al-Quran therapy for increasing awareness to drowsy driver. Prosiding 3rd Exposition On Islamic Innovation 2012 (I-Inova2012). Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan.
- Yusuf Qardhawi (1985). Al Halal Wa Al Haram Fil Islam, *Beirut : Dar Al Marifah*.
- Zakaria Stapa (2002). Akhlak Islam dan Gaya Hidup Muslim Semasa : Analisis Konsep dan Agenda Bertindak. *Jurnal Yadim. Jun : 15-65*.

NOTA

- ¹ EEG (*electroencephalography*) adalah alat yang digunakan atas kepala untuk mengukur arus elektrik yang dihasilkan dalam otak ketika aktiviti otak berlangsung. Gelombang alfa merujuk kepada arus elektrik (8-13 Hz) yang dijadikan ukuran kepada keadaan tenang seseorang individu.

PENULIS

Mohamad Izzat Mohamad Ghani ialah Pelajar Pascasiswazah Peringkat Sarjana di Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan.

Nik Yusri Musa (PhD) merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan. Kepakaran beliau ialah dalam bidang pengajian Islam al-Quran, al-Hadis dan ketamadunan. beliau pernah diamanahkan sebagai Ketua Jabatan Sains Kemanusiaan di Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah. (PBI UMK)